

10 APR 1999

Singapura-Malaysia

TOKOH AKADEMIK KEMUKA CADANGAN SELESAIKAN PERBALAHAN

SINGAPURA, 10 April (Bernama) -- Seorang tokoh akademik tempatan mencadangkan supaya Malaysia dan Singapura menubuhkan majlis tokoh-tokoh terkemuka termasuk negarawan bagi menggariskan hubungan sejarah dan peribadi antara kedua-dua negara bagi menyelesaikan apa-apa perbalahan secara tertutup.

Majlis itu tidak akan menonjolkan diri dalam usaha menyelesaikan perbalahan dua hala, politik atau ekonomi, kata Prof Madya Tan Khee Giap dari Nanyang Technological University yang mencadangkan supaya panel itu dikenali Majlis Perdamaian Malaysia-Singapura.

"Banyak perkara sukar dikemukakan pada peringkat antara kerajaan dengan kerajaan tanpa berasa aib. Oleh itu, majlis berkenaan boleh bertindak sebagai perantaraan," kata Tan ketika dihubungi selepas Business Times melaporkan tentangan ideanya hari ini.

Hubungan antara Malaysia dan Singapura bergolak bersabit dengan beberapa isu. Bagaimanapun, keadaan reda selepas Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura, Goh Chok Tong, bersetuju untuk menyelesaikan masalah dua hala sebagai satu pakej.

"Apa yang kita lihat sejak beberapa tahun lalu ialah apabila timbul sesuatu isu, ia digembar-gemburkan. Apabila kepimpinan dari kedua-dua pihak menunjukkan reaksi yang terlampau, ia menumbulkan reaksi dari kalangan masyarakat pada keseluruhan," kata Tan yang juga perunding di Kementerian Perdagangan dan Industri Singapura dan Bank Pembangunan Asia.

Beliau berkata kebanyakan masyarakat Singapura pada umumnya ialah bekas rakyat Malaysia dan "banyak perkara boleh dibincangkan secara jujur dengan kurangnya konfrantasi."

Tan berkata anggota-anggota majlis itu hendaklah terdiri dari kalangan mereka yang dihormati dan diterima oleh kedua-dua pihak.

"Mereka harus berupaya berkhidmat secara tidak formal tetapi dapat mempengaruhi kedua-dua kerajaan supaya mengemukakan penyelesaian yang konkrit," kata beliau.

Tan berkata, dari Malaysia, anggota majlis yang kemungkinan boleh dipilih ialah bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba dan Tan Sri Dr Noordin Sopiee yang mengetuai Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia.

Bagi Singapura, beliau mencadangkan Duta Kembara Dr Tommy Koh, ahli ekonomi Lim Chong Yah dan pengarah Institut Pertahanan dan Strategik S.R.Nathan.

Tan berkata beliau mengemukakan cadangan itu sebagai pihak yang berkecuali.

"Jika Singapura mengemukakannya tetapi Malaysia tidak berminat, maka itu mengaibkan. Saya seorang tokoh akademik, jika tiada siapa mengemukakannya, tiada pihak yang berasa aib.

"Tetapi jika Malaysia dan Singapura berminat, maka saya berpendapat ia kena pada masanya," kata beliau.

-- BERNAMA

TCL FAZ